

SPL UMS bentuk tiga kerjasama dengan MPS

Oleh ABD.NADDIN HJ.SHAIDDIN

abdnaddin@yahoo.com

UB 20.08.2012 AG

SANDAKAN: Sekolah Pertanian Lestari (SPL) Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan mewujudkan tiga bentuk kerjasama dengan Majlis Perbandaran Sandakan (MPS) untuk memajukan lagi bandar Sandakan.

Dekan SPL UMS yang baru dilantik, Dr Sitti Raehanah Muhamad Shaleh berkata tiga bentuk kerjasama yang telah dikenalpasti termasuklah pembangunan agrotourism, kerjasama pembangunan landskap dan pengurusan hasil tuaian sayur-sayuran di daerah Sandakan.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan kunjungan hormat kepada Presiden MPS, Datuk Ir James Wong pada Selasa.

Turut hadir dalam kunjungan itu ialah Timbalan Dekan Akademik dan HEP, Dr Suzan Benedict @ Sarah Abdullah, Ketua Program Pengeluaran Ternakan, Dr Bonaventure Boniface, Ketua Program Hortikultur dan Landskap, Dr Jupikely James Silip dan Pengetua Kolej Kediaman Lestari, Dr Abdul Rahim Awang.

Pertemuan mesra selama hampir sejam bersama Presiden MPS itu telah merapatkan lagi hubungan kedua-dua pihak yang sudah

lama terjalin.

Pada pertemuan itu juga, pensyarah-pensyarah SPL sempat bertukar-tukar pandangan tentang pembangunan Hab Pendidikan Sandakan dan perkembangan semasa status pelajar di Kampus Sandakan.

Pihak MPS amat berbesar hati menerima kunjungan SPL UMS itu dan berharap agar suatu bentuk kerjasama antara MPS dan SPL dapat diwujudkan demi untuk memajukan bandar Sandakan.

Setakat ini, SPL UMS menawarkan tiga program Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian (dengan kepujian) iaitu Pengeluaran



SITTIRAEHANAH(dua dari kiri) menyampaikan cenderamata kepada James.

Tanaman, Hortikultur dan Landskap, dan Pengeluaran Ternakan.

Dijangkakan seramai 417 pelajar SPL termasuk ambilan baharu akan memulakan pengajian akademik pada sesi 2012/2013 pada 7 September 2012 di kampus SPL,

Sandakan.

Selain pelajar SPL, seramai 80 pelajar Sekolah Perubatan UMS yang sedang menjalani latihan praktikal di Hospital Dutches of Kent, Sandakan juga turut menginap di asrama SPL atau lebih dikenali sebagai Kolej Kediaman Lestari.